

29/06/2002

Ah Lek beri syarat lepas jawatan

Teh Kean Kiat; Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Jumaat - Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, hari ini menyuarakan kesediaannya melepaskan semua jawatan dalam parti dengan syarat pucuk pimpinan parti merangka pelan pengganti yang menyeluruh.

Katanya, beliau sedia mengikut jejak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberi laluan kepada pemimpin muda memegang tampuk pimpinan parti.

Beliau berkata, parti komponen Barisan Nasional (BN) harus meneladani pelan peralihan kuasa yang dicadangkan Dr Mahathir untuk Umno dan kerajaan bagi memastikan proses peralihan kuasa berjalan lancar.

Ditanya sama ada MCA akan merangka pelan itu, beliau berkata: "Terpulang kepada presiden parti. Andainya saya adalah presiden, saya akan lakukan. Malangnya saya bukan."

"MCA mempunyai barisan pemimpin pelapis yang berkebolehan untuk mengambil alih kepemimpinan. Jika saya adalah presiden, saya akan pergi lebih awal lagi, bukannya sekarang.

"Kita mesti membenarkan pemimpin muda mengambil alih pucuk pimpinan parti. Kita ada pemimpin berkebolehan. Kita mesti beri laluan supaya lebih banyak idea baru dapat disuntik dalam parti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung Pemuda MCA ke-39, di Dewan San Choon, di sini hari ini.

Lim berkata, semua pemimpin harus tahu masa untuk melepaskan jawatan kerana parti bukan milik individu tertentu, tetapi milik ahli.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan pemimpin kanan MCA lain mencontohi Dr Mahathir dan pada masa sama melatih pemimpin muda untuk mengambil alih kepemimpinan parti.

Beliau berkata, peralihan kuasa yang dirancang secara teratur dapat mengelakkan senario perebutan kuasa dan ketidakstabilan dalam parti.

Katanya, beliau sudah berkhidmat untuk parti dan rakyat lebih 25 tahun dan tempoh itu cukup lama bagi mana-mana pemimpin memegang kuasa.

"Seperti Perdana Menteri yang berada di kemuncak kerjaya, beliau memutuskan untuk melepaskan pentadbiran kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan ini adalah contoh baik untuk diikuti semua parti komponen BN.

"Semua ahli Jawatankuasa Pusat (CC) MCA layak mengambil alih kedudukan kami memandangkan mereka dilantik oleh perwakilan. Kita sebagai pemimpin, mesti berani melepaskan jawatan demi parti dan masyarakat.

(END)